

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Perbincangan dan Rumusan**

Kajian ini telah mengenalpasti kategori masalah yang amat dan “tidak” amat mengganggu pelajar remaja khususnya daripada keluarga ibu tunggal. Sebanyak sebelas kategori masalah yang terdapat dalam Senarai Semak Masalah Mooney telah digunakan sebagai instrumen untuk melihat kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja. Kajian ini juga telah mengenalpasti perbezaan yang signifikan di antara latar belakang pelajar dan kategori masalah di samping mengkaji perhubungan yang signifikan di antara kesemua sebelas kategori masalah.

Perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada keputusan dapatan seperti berikut:-

- i. Kategori masalah yang amat mengganggu pelajar remaja dan kategori masalah yang “tidak” amat tidak mengganggu pelajar
- ii. Keputusan ujian t bagi tingkatan responden
- iv. Keputusan ujian t bagi keputusan peperiksaan responden.

- v. Keputusan ANOVA sehalia bagi pendapatan ibu pelajar.
- vi. Keputusan analisis post hoc multiple comparisons scheffe
- vii. Korelasi matriks antara kesemua 11 kategori masalah

Keputusan jelas menunjukkan kategori masalah kurikulum dan pembelajaran merupakan masalah utama yang amat mengganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal. Kekurangan keyakinan diri, perasaan bimbang dan tidak mengetahui teknik belajar yang berkesan menyebabkan pelajar remaja bimbang dan seterusnya mendapatkan masalah ini mengugat keputusan mereka. Dapatan ini disokong oleh Wan Halim Othman (1995) yang mengatakan ketiadaan bapa menyebabkan pelajar mempunyai perasaan rendah diri dan hilang keyakinan diri dalam pelajaran. Sun dan Li (2002) juga mendapati bahawa gangguan perkahwinan memberi kesan kepada anak dan mereka memperoleh skor yang rendah dalam akademik serta aspirasi pendidikan. Hal ini juga disokong oleh Entwistle (1996) yang mengatakan dapati pelajar daripada keluarga ibu tunggal mempunyai tahap ekspetasi yang rendah. Dapatan kajian oleh Sun dan Li (2001) pula mendapati pelajar yang tinggal dengan ibu tunggal pada keseluruhannya tidak memperoleh prestasi akademik yang baik berbanding dengan rakan mereka yang tinggal dengan kedua-dua ibu dan bapa.

Remaja daripada keluarga ibu tunggal dalam kajian ini juga menghadapi masalah dalam aktiviti Hubungan sosial dan Rekreasi. Hal ini berkaitan dengan dapatan kajian lepas yang mengatakan ketiadaan bapa memberi kesan kepada anak dari segi penyesuaian psikologi dan konsep kendiri. Remaja yang tidak mempunyai bapa juga didapati tidak memberikan kerjasama kepada orang lain dan tidak pandai untuk bersosialisasi dengan individu lain. Kajian juga mendapati pelajar remaja yang mengalami masalah dalam kategori sosial dan rekreasi adalah merupakan perkara yang lumrah kerana setiap individu mempunyai keinginan dan kehendak yang tersendiri.

Dalam kategori masalah hubungan peribadi dan personaliti pula, didapati juga mengganggu pelajar remaja. Ini disebabkan kebanyakan responden merasakan agak ragu-ragu dengan keupayaan mereka dalam menjalankan sesuatu tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Kajian oleh Wallerstein dan Kelly (1990), menyokong bahawa remaja yang mengalami zaman transisi dari zaman kanak-kanak ke alam remaja memerlukan sokongan daripada kedua-dua ibu bapanya supaya dapat menempuh perubahan tersebut secara positif. Remaja memerlukan sokongan daripada kedua-dua ibu dan bapa agar dapat mencapai peribadi yang sejahtera. Ini adalah kerana struktur

keluarga yang baik membolehkan individu mencapai makna kehidupan, kestabilan, keselamatan dan menjadi individu yang sihat, kompeten dan warganegara yang produktif.

Pelajar remaja dalam kajian ini juga menghadapi masalah dalam bidang penyesuaian diri dengan persekolahan. Dapatan ini adalah disokong dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sufean Hussin dan Che Zainon Omar (2002), mendapati anak yang terlibat dengan proses perceraian dan pergolakan keluarga adalah lebih berisiko tinggi berbanding dengan remaja yang tinggal bersama-sama dengan kedua ibu bapa. Pencapaian akademik, penyesuaian diri dengan persekolahan, delinkuensi serta gangguan hubungan dengan rakan sebaya juga merupakan masalah di kalangan pelajar daripada keluarga ibu tunggal. Hasil kajian mereka juga mendapati bahawa kategori masalah penyesuaian diri dengan persekolahan merupakan masalah utama bagi pelajar remaja Melayu daripada keluarga ibu tunggal. Keadaan ini adalah juga bersamaan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Lim Hong Kuan (1982) yang mendapati pelajar remaja tidak mengetahui cara atau teknik yang berkesan untuk belajar dan takut gagal dalam peperiksaan.

Pelajar remaja yang menghadapi masalah penyesuaian diri khususnya di sekolah mungkin disebabkan oleh perasaan rendah diri yang mendorong mereka kekok bergaul atau pun tidak pandai bersosialisasi dengan individu lain. Rogers (1977) dalam kajian terapi klien mendapati bahawa bantuan daripada orang lain contohnya fasilitator akan dapat menolong klien mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada pada dirinya. Ini seterusnya dapat meningkatkan lagi penghargaan kendiri.

Chiam Heng Keng dan Nik Aziz Nik Pa (1982) juga telah menjalankan kajian ke atas remaja dan mendapati para remaja lebih menitikberatkan penampilan diri mereka . Bagi kajian itu juga mereka mendapati pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal tidak mempunyai masa yang cukup untuk belajar. Hasil kajian Morrison (1995) juga menunjukkan para remaja mengalami tekanan emosi dan masalah tingkah laku dan kadang kala menyebabkan mereka tercicir dari sekolah. Noraini Ahmad (2000) pula menyokong pendapat dengan mengatakan bahawa tanggungjawab ibu bapa akan menjadi lebih berat apabila anak memasuki alam remaja. Pada peringkat remaja, mereka inginkan identiti sendiri, inginkan kebebasan bergaul dan bersuara dalam memberikan pendapat dan justeru semua ini menimbulkan masalah dalam sesebuah keluarga dan juga dalam dunia ibu dan bapa.

Hasil kajian yang dijalankan juga mendapati bahawa terdapat beberapa kategori masalah yang “tidak” amat mengganggu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini. Di antara kategori masalah yang “tidak” amat mengganggu pelajar ialah kategori masalah i) kesihatan dan perkembangan fizikal, ii) kategori rumah dan keluarga dan iii) kategori agama dan moral. Ini bermakna pelajar boleh mengadaptasi diri mereka dengan baik mengikut situasi dan keadaan semasa dan masalah ini tidak mengganggu dalam kegiatan harian mereka. Kajian ini juga hampir sama dengan dapatan kajian oleh Sufean Hussin dan Che Zainon Omar (2002) yang mendapati 90.0 peratus pelajar dalam kajian mereka tidak mengalami masalah dalam kategori masalah agama dan moral dan ini kurang memberi masalah kepada pelajar remaja Melayu. Kategori masalah Agama dan Moral adalah “tidak” amat mengganggu pelajar kerana pelajar telah mempelajari didikan agama sejak dari kecil lagi. Justeru pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini faham tentang Agama dan Moral masing-masing. Mereka juga didapati tidak keliru atau pun ragu tentang persoalan agama dan nilai kepentingan berseimbahyang.

Bagi latar belakang tingkatan persekolahan pelajar, didapati pelajar dari kumpulan menengah atas mengalami masalah dalam kesemua kategori masalah berbanding dengan kumpulan pelajar daripada menengah rendah. Bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran pula, kumpulan pelajar menengah rendah mengalami masalah. Hal ini kemungkinan disebabkan pelajar remaja menengah rendah belum menguasai kemahiran dalam membuat catatan atau nota. Perasaan takut gagal dalam kerja sekolah atau pun peperiksaan kemungkinan menyebabkan mereka sering bimbang dan terlalu emosional. Hasil kajian ini disokong juga oleh Chiam Heng Keng (1979) yang mengatakan pelajar remaja memerlukan bantuan dan kasih sayang daripada orang lain untuk lebih berdikari.

Pendapatan ibu tunggal pelajar juga memberi kesan ke atas kategori masalah persahabatan, seks dan perkahwinan, rumah dan keluarga dan penyesuaian diri dengan persekolahan. Dapatkan ini adalah bersamaan dengan kajian oleh Amato (1993) yang mengatakan remaja yang tinggal dengan keluarga ibu tunggal kehilangan sumber ekonomi, beserta dengan kehidupan yang menekan di mana mereka terpaksa mengadaptasi kepada situasi keluarga tanpa kehadiran bapa. Masalah tingkah laku juga ketara di mana remaja ini lebih terdedah kepada masalah dalaman dan luaran, konsep kendiri yang rendah, prestasi akademik yang rendah dan masalah interaksi sosial.

Ini disokong dengan hasil dapatan Sun dan Li (2002), mendapati bahawa pelajar daripada keluarga yang melalui proses perceraian mempunyai skor yang rendah dalam ujian akademik dan aspirasi pendidikan.

Apabila dilihat kepada hubungan di antara kesepuluh kategori masalah, terdapat hubungan di antara kesemua kategori masalah. Ini jelas menunjukkan terdapat hubungan antara sepuluh kategori masalah. Tambahan pula, setiap kategori masalah adalah berkaitan di antara satu sama lain dan penting dalam perkembangan individu. Bagi kategori masalah kurikulum dan pembelajaran pula tidak terdapat perhubungan engan masalah kesihatan dan perkembangan fizikal ii) kewangan, keadaan kehidupan keluarga agama dan juga kerjaya. Ini bermakna kategori masalah kurikulum dan pembelajaran tidak mewujudkan apa-apa jurang perbezaam dari segi kesihatan, kewangan, agama dan juga kerjaya di kalangan pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal yang terlibat dalam kajian ini.

## 5.2 Implikasi dan Cadangan

Perhatian yang lebih serius perlu diberikan kepada pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal. Pelajar remaja memerlukan bantuan dan bimbingan daripada ibu bapa untuk mencapai kesejahteraan hidup. Pelbagai pihak seperti guru, kaunselor, pegawai jabatan kebajikan masyarakat serta persatuan ibu tunggal boleh membantu pelajar remaja untuk meningkatkan lagi pencapaian mereka di sekolah. Ini adalah kerana dengan bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak dapat membendung masalah tingkah laku yang dialami oleh mereka. Di samping itu, penglibatan masyarakat secara kolektif dapat membantu pelajar remaja memahami tanggungjawabnya dan menjadikannya seorang insan yang berguna kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Bantuan dan sokongan moral dapat mewujudkan ‘celik akal’ di kalangan remaja daripada keluarga ibu tunggal. Penglibatan dan bantuan khususnya daripada Persatuan Ibu Tunggal kepada para pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal dapat meningkatkan lagi keyakinan dan konsep kendiri mereka.

Dalam kajian ini, didapati pelajar remaja menghadapi masalah dalam kurikulum dan pembelajaran. Latihan dan bimbingan dari segi kemahiran atau teknik belajar yang berkesan dapat membantu pelajar untuk mengatasi masalah ini. Pihak sekolah khususnya

guru dan kaunselor pelajar di sekolah menengah boleh membantu pelajar dalam membimbing mereka dalam subjek yang lemah. Bimbingan akademik oleh kaunselor juga dapat membantu pelajar yang menghadapi masalah ini.

Para Penggal dasar di Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pusat Perkembangan Kurikulum harus peka dengan masalah pelajar dan tidak begitu berorientasikan kepada peperiksaan. Mereka harus merangka dan menjalankan ujian keperluan pembelajaran pelajar.

Pihak ibu bapa harus mengambil perhatian dan menyemaikan unsur rohani dan keagamaan di dalam jiwa anak mereka sejak kecil lagi. Di samping itu, para ibu bapa harus melibatkan diri secara aktif dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru supaya dapat berganding bahu dengan guru untuk membantu anak mereka dalam mencapai kecemerlangan di sekolah.

Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah harus memainkan peranan yang aktif dan penting dalam mengenalpasti pelajar daripada keluarga ibu tunggal dan menggalakkan pelajar untuk bersifat terbuka dengan kaunselor. Para kaunselor boleh

memberi perkhidmatan kaunseling individu atau kelompok bagi membantu pelajar remaja dalam mengurangkan perasaan tertekan dan seterusnya memberikan mereka motivasi untuk mewujudkan keyakinan diri, konsep kendiri dan berfikirian positif dalam menangani masalah mereka.

Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di bawah Unit Bimbingan dan Kaunseling juga boleh digerakkan secara aktif dalam membantu pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal supaya pelajar tidak berasa keseorangan dalam menghadapi masalah yang berkaitan dengan pelajaran, perhubungan dengan rakan dan juga dengan masalah peribadi. Pelajar-pelajar daripada keluarga ibu tunggal yang mengalami masalah boleh berbincang bersama dengan ahli-ahli kumpulan PRS.

Program Mentor Mentee (Ibu dan Bapa angkat) di bawah Unit Bimbingan dan Kaunseling dapat membantu pelajar yang bermasalah khususnya pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal untuk bersikap lebih telus kepada ibu dan bapa angkat mereka. Perhubungan yang mesra dalam program ini dapat mewujudkan keadaan di mana pelajar merasakan dirinya disayangi, dihormati dan dihargai. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi konsep kendiri pelajar.

Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama pihak NGO boleh mengaturkan program-program ilmiah dan teknikal untuk membantu pelajar remaja khususnya daripada keluarga ibu tunggal. Program motivasi, seminar boleh diadakan oleh mereka untuk mengurangkan masalah remaja yang kian berleluasa masa kini. Sokongan sosial dan moral daripada semua pihak dapat juga menangkis anggapan prejedis masyarakat terhadap keluarga ibu tunggal.

Ikatan perpaduan dan kekeluargaan serta peranan kedua-dua ibu bapa sangat penting untuk membantu perkembangan anak remaja. Seminar keibu bapaan sangat penting untuk para ibu bapa mengetahui kaedah untuk mengendalikan masalah remaja. Ibu bapa juga perlu sedar bahawa perceraian mengugat masa depan anak mereka. Justeru, topik perceraian harus dijadikan sebagai alternatif yang terakhir dalam mengatasi masalah keluarga. Ini adalah kerana apabila ibu bapa bercerai, anak yang tidak berdosa menjadi mangsa dan keruntuhan keluarga memberi kesan dalam tingkah laku dan pencapaian akademik individu.. Keprihatinan kedua-dua ibu dan bapa sangat penting dalam melahirkan remaja yang berfikiran matang dan rasional dalam mengharungi liku-liku hidup.

### 5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah mencakupi pelajar-pelajar remaja daripada bangsa Melayu Cina, India, Punjabi dan Iban di kawasan Puchong yang belajar dalam Tingkatan Peralihan hingga Tingkatan Empat. Kajian yang dijalankan kini adalah lebih menjurus kepada pelajar remaja sahaja daripada keluarga ibu tunggal. Adalah dicadangkan kajian lanjut dijalankan ke atas pelajar dari sekolah rendah juga. Ini adalah kerana proses perceraian ibu bapa memberi impak ke atas pelajar pada usia yang muda. Kajian lanjut juga perlu dijalankan untuk melihat punca-punca yang menimbulkan masalah di kalangan pelajar. Kajian skop yang lebih meluas dan menyeluruh perlu dijalankan untuk melihat perhubungan di antara punca masalah dengan pembolehubah yang lain seperti tingkah laku devian, konsep kendiri atau pencapaian pelajar.

#### 5.4 Kesimpulan

Pada keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal di bandar Puchong menghadapi masalah utama yang sangat mengganggu mereka dalam bidang kurikulum dan pembelajaran, aktiviti sosial dan rekreasi, masalah hubungan peribadi dan personaliti, serta penyesuaian diri dengan persekolahan. Keadaan ini adalah bersamaan dan berkaitan dengan kajian lepas yang telah dijalankan di dalam negeri atau pun di luar negara.

Sebagai kesimpulan, pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal mempunyai keprihatinan, kesedaran dan kepekaan dalam aspek agama dan moral, rumah dan keluarga dan kesihatan dan perkembangan fizikal dan kategori ini tidak begitu mengganggu pelajar remaja. Adalah diharapkan pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal ini akan berjaya dalam mengharungi liku-liku hidup mereka secara positif dengan bantuan kolektif daripada semua pihak. Pelajar remaja daripada keluarga ibu tunggal juga diharapkan agar menjadi individu yang cemerlang, gemilang dan terbilang untuk keluarga, masyarakat dan juga negara.